


INVENTORI PROTOKOL TEMU BUAL



UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
جامعة العلوم الإسلامية العالمية
ISLAMIC SCIENCE UNIVERSITY OF MALAYSIA

PENDEKATAN *RASM* DAN *DABT*: PEMBANGUNAN SEMULA TEKS
MUSHAF QURAN BRAILLE PERTIS BERASASKAN TEKS *MUSHAF*
QURAN MADINAH

INVENTORI PROTOKOL TEMU BUAL
PENGUNA *MUSHAF* AL-QURAN BRAILLE PERTIS

DISEDIAKAN OLEH
MOHD NUR ADZAM RASDI

OBJECTIVE	INTERVIEW	NOTES
	QUESTION	
<p>To identify the necessity to coordinate the PERTIS Braille Quran <i>mushaf</i> with the <i>mushaf al-Madinah</i> al-Quran printed by Mujamma' Malik Fahd from the perspective of the visually impaired as the primary user.</p>	<p>Latar Belakang Pengguna Mushaf Al-Quran Braille Pertis</p>	
	<p>Apakah perbezaan yang terdapat antara teks <i>mushaf</i> Quran Braille dengan Quran Madinah?</p>	
	<p>Apakah isu-isu yang timbul kerana perbezaan yang wujud antara teks <i>mushaf</i> Quran Braille dengan Quran Madinah?</p>	
	<p>Perluakah penyelarasan antara antara teks <i>mushaf</i> Quran Braille dengan Quran Madinah dilakukan?</p>	

(CONTOH BORANG)

**PENGESAHAN DATA TEMU BUAL OLEH PESERTA KAJIAN
TERHADAP DATA TEMU BUAL**

Saya dengan ini bersetuju dan mengesahkan bahawa data teks perbualan ini seperti yang dilaksanakan oleh pengkaji seperti tarikh dan tempat yang dinyatakan dengan

Tandakan () di kotak yang berkenaan

Tanpa pembetulan dan tambahan	
Sedikit pembetulan dan tambahan	
Pembetulan dan tambahan yang besar	


Yang Benar

(Sila tandatangan di atas garisan)

Nama:

Kad Pengenalan:

Tarikh:





فِرْسَاتُونَ أَوْرَغ-أَوْرَغٍ جَاچَت فَعْلِيهَتِنِ اِسْلَامِ مَلِيْسِيَا

PERSATUAN ORANG-ORANG CACAT PENGLIHATAN ISLAM MALAYSIA (PERTIS)
 (ROS No : PPM-008-14-26041996)
 No. 32A, Jalan 6/21D, Taman Ibu Kota, Gombak, 53100 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan
 Tel : 03-4021 2631 / 03-4032 2631 (HQ) 03-2276 2634 (Cawangan Brickfields) Faks : 03-4025 4862
 Teleinfo : 03 - 2260 3950
 Email : pertismalaysia@gmail.com

Ruj.kami: (134) dlm pertis (S/U) 2388/2020
 Tarikh: 12 Oktober 2020 M/24 Safar 1442 H

Mohd Nur Adzam Bin Rasdi

Pensyarah/Penyelidik

Unit Penyelidikan Ibnu Umri Maktum

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah

Universiti Sains Islam Malaysia

71800, Nilai, Negeri Sembilan

Tuan,

PELANTIKAN SEBAGAI PANEL PEMBANGUNAN STANDARD MASHAF AL-QUR'AN BRAILLE MALAYSIA

Dengan segala hormatnya, perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan Persidangan Ketua-ketua Jabatan/Majlis Agama Islam Negeri Seluruh Malaysia Kali ke-88 pada 6 hingga 8 April 2012 di Hotel Seafest, Semporna, Sabah telah bersetuju dengan kertas cadangan Projek Penyelidikan "Pembangunan Standard Penulisan dan Mushaf Al-Quran Braille Malaysia.

3. Sehubungan itu, pihak Persatuan Orang-orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia (PERTIS) telah bersetuju melantik tuan sebagai Panel Pembangunan Standard Mashaf Al-Qur'an Braille Malaysia bagi pihak PERTIS. Pelantikan panel ini adalah berdasarkan kepada ilmu dan kepakaran serta keterlibatan tuan dalam bidang yang berkaitan dengan Al-Qur'an Braille.

4. Dengan pelantikan ini, diharap tuan dapat menyumbang tenaga dan buah fikiran dalam membangunkan Penyalin Mashaf Al-Qur'an Braille Malaysia.

Sekian, terima kasih.

Yang Benar,

(MUHAMMAD SHAHRIL AZRIE BIN ZAINUDIN)

Setiasaha Agung

Persatuan Orang-orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia (PERTIS)



جَابَاتَانِ كَمَا جُوانِ إِسْلَامِ مَلَيْسِيَا

JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA
 Blok A & B, Kompleks Islam Putrajaya
 No 23, Jalan Tunku Abdul Rahman
 Presint 3, 62100 PUTRAJAYA
 MALAYSIA

Tel : 603-8870 7000
 Faks : 603-8870 7707
 Portal Rasmi : www.islam.gov.my

Ruj Kami : JAKIM.600 - 11/2/1 ()
 Tarikh : 19 Februari 2020M
 25 Jamadilakhir 1441H

Encik Mohd Nur Adzam Bin Rasdi
 Fakulti Al-Quran Dan Sunnah
 Universiti Sains Islam Malaysia
 Bandar Baru Nilai
 71800 Nilai
 Negeri Sembilan

Tuan,

**BENKEL PEMBANGUNAN AL-QURAN BRAILLE MASHAF MALAYSIA
 SIRI 1**

Dengan hormatnya saya diarah merujuk perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Bahagian Penerbitan, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dengan kerjasama Persatuan Orang-Orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia (PERTIS) akan mengadakan **Bengkel Pembangunan Al-Quran Braille Mashaf Malaysia Siri 1**. Butiran bengkel adalah seperti yang berikut:

Tarikh : 5 – 6 Mac 2020
 (Khamis - Jumaat)
Tempat : Sani Hotel,
 No. 63 Jalan Putra Off Jalan Raja Laut
 50350 Kuala Lumpur ,


3. Sehubungan itu, tuan dengan segala hormatnya dijemput menghadiri bengkel berkenaan. Bersama-sama ini disertakan atur cara bengkel untuk makluman tuan.

4. Kerjasama dan perhatian tuan dalam perkara ini didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,


 (HAJI MOHD NORIZAN BIN ABD. GHANI)
 b.p Ketua Pengarah,
 Jabatan Kemajuan Islam Malaysia



جائزہ کے ماحولان اسلام ملایسیا

JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA
 Blok A & B, Kompleks Islam Putrajaya
 No 23, Jalan Tunku Abdul Rahman
 Presint 3, 62100 PUTRAJAYA
 MALAYSIA

Tel : 603-8870 7000
 Faks : 603-8870 7707
 Portal Rasmi : www.islam.gov.my

Ruj Kami : JAKIM.600 - 11/2/1 (20)
 Tarikh : 15 JULAI 2019M
 11 ZULQAEDAH 1440H

Encik Mohd Nur Adzam Bin Rasdi
 Pensyarah
 Fakulti al-Quran dan Sunnah
 Universiti Sains Islam Malaysia
 Bandar Baru Nilai,
 71800, Nilai Negeri Sembilan

Tuan,

**JEMPUTAN SEBAGAI PENCERAMAH BENGKEL PEMBANGUNAN
 STANDARD MASHAF AL-QUR'AN BRAILLE MALAYSIA**

Dengan hormatnya saya diarah merujuk perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Bahagian Penerbitan, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia dengan kerjasama Persatuan Orang-Orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia (PERTIS) akan mengadakan **BENGKEL PEMBANGUNAN STANDARD MASHAF AL-QUR'AN BRAILLE MALAYSIA**. Butiran bengkel adalah seperti yang berikut:

Tarikh : 31 Julai 2019 – 02 Ogos 2019
 (Rabu – Jumaat)
Tempat : Hotel Putra,
 Jalan Tun Razak Kuala Lumpur


3. Sehubungan itu dengan segala hormatnya tuan dijemput sebagai penceramah di bengkel berkenaan. Bersama-sama ini disertakan atur cara bengkel untuk makluman tuan

Kerjasama dan perhatian tuan dalam perkara ini didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,


(HAJI MOHD NORIZAN BIN ABD. GHANI)
 b.p Ketua Pengarah,
 Jabatan Kemajuan Islam Malaysia



جَابَاتِن كَمَا جُوانِ إِسْلَامِ مَالِيسِيَا
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA
 Blok A & B, Kompleks Islam Putrajaya
 No 23, Jalan Tunku Abdul Rahman
 Presint 3, 62100 PUTRAJAYA
 MALAYSIA

Tel : 603-8870 7000
 Faks : 603-8870 7707
 Portal Rasmi : www.islam.gov.my

Ruj Kami : JAKIM.600-11/2/1 (25)
 Tarikh : 14 Jun 2020M
 ١٤ Syawal 1441H

ENCIK MOHD NUR ADZAM BIN RASDI
 Pusat Penyelidikan Ibnu Umri Makhtum
 Institut Sains Islam Universiti Sains Islam Malaysia
 71800 Nilai Negeri Sembilan

Tuan,

PELANTIKAN SEBAGAI PANEL PENYALIN MASHAF AL-QUR'AN BRAILLE MALAYSIA

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

- Adalah dimaklumkan Persidangan Ketua-ketua Jabatan/Majlis Agama Islam Negeri Seluruh Malaysia Kali ke-88 pada 6 hingga 8 April 2012 di Hotel Seafest, Semporna, Sabah telah bersetuju dengan kertas cadangan Projek Penyelidikan "Pembangunan Standard Penulisan dan Mushaf al-Qur'an Braille Malaysia".
- Sehubungan itu jabatan ini bersetuju melantik tuan sebagai Panel Penyalin Mashaf al-Qur'an Braille Malaysia. Pelantikan panel ini berdasarkan kepada ilmu dan kepakaran serta keterlibatan tuan dalam bidang berkaitan dengan al-Qur'an Braille.
- Dengan pelantikan ini, diharap tuan dapat menyumbangkan tenaga dan buah fikiran dalam membangunkan Penyalinan mashaf al-Qur'an Braille Malaysia.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah

(HJH HAKIMAH BINTI MOHD YUSOFF)
 b.p: Ketua Pengarah,
 Jabatan Kemajuan Islam Malaysia



KEMENTERIAN DALAM NEGERI
 BAHAGIAN PENGUATKUASAAN DAN KAWALAN
 ARAS 5 & 6, BLOK D1, KOMPLEKS D
 PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
 62546 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA

Telefon : 03-8886 8000
 Faks : 03-8889 1682/ 1688
 Web : www.moha.gov.my

KDN.PKK.S.600-16/17/1 (4)

Tarikh: 29 Mac 2021

15 Syaaban 1442H

Dekan
 Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah
 Universiti Sains Islam Malaysia
 Bandar Baru Nilai
 71800 Nilai
 Negeri Sembilan
 u.p: 1. Prof. Madya Dr. Noornajihan binti Jaafar
 2. Dr. Hj. Norakyairee bin Mohd Raus
 3. Mohd Nur Adzam bin Rasdi

YBrs. Dr./ Tuan/ Puan,

**PELANTIKAN AHLI JAWATANKUASA PENYEMAKAN DAN PENILAIAN
 AL-QURAN BRAILLE (LAJNAH TASHEH AL-QURAN BRAILLE), KEMENTERIAN
 DALAM NEGERI SESI 2021-2022**

Dengan hormatnya saya diarah merujuk mengenai perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Mesyuarat Lembaga Pengawalan dan Pelesenan Pencetakan Al-Quran, Kementerian Dalam Negeri Bil. 99/2.2020 yang bersidang pada 4 September 2020 telah bersetuju untuk melantik YBrs. Dr./ Tuan/ Puan sebagai Ahli Jawatankuasa Penyemakan Dan Penilaian Al-Quran Braille (Lajnah Tasheh Al-Quran Braille), Kementerian Dalam Negeri Sesi 2021-2022.

3. Pelantikan ini adalah selaras dengan peruntukan di bawah Seksyen 3 (7) dan 3 (10) Akta Pencetakan Teks Al-Quran 1986 (Akta 326). Sehubungan itu, bersama ini disertakan Garis Panduan Pelantikan Jawatankuasa Penyemakan dan Penilaian Al-Quran Braille (Lajnah Tasheh Al-Quran Braille), Kementerian Dalam Negeri bagi tujuan makluman dan perhatian YBrs. Dr./ Tuan/ Puan sewajarnya.

4. Justeru, adalah dipohon dari YBrs. Dr./ Tuan/ Puan menyatakan persetujuan di atas pelantikan berkenaan.

5. Kerjasama dan keperihatinan YBrs. Dr./ Tuan/ Puan dalam memartabatkan kalimah suci Al-Quran, terlebih dahulu diucapkan terima kasih.

Sekian, wassalam.

"PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

(DATO' (DR.) HAJI NOOH BIN GADOT)
 Timbalan Pengerusi
 Lembaga Pengawalan dan Pelesenan Pencetakan Al-Quran
 Kementerian Dalam Negeri



جَابَاتَان كَمَا جُوانِ إِسلامِ مالِيسِيا
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA
 Blok A & B, Kompleks Islam Putrajaya
 No 23, Jalan Tunku Abdul Rahman
 Presint 3, 62100 PUTRAJAYA
 MALAYSIA

Tel : 603-8870 7000
 Faks : 603-8870 7707
 Portal Rasmi : www.islam.gov.my

Ruj Kami : JAKIM.600 - 11/2/1 (د)د
 Tarikh : 14 Julai 2020

Encik Mohd Nur Adzam Bin Rasdi
 Pusat Penyelidikan Ibnu Umri Makhtum
 Institut Sains Islam Universiti Sains Islam Malaysia
 71800 Nilai Negeri Sembilan

Tuan,

BENGKEL PENYEMAKAN AL-QUR'AN BRAILLE MASHAF MALAYSIA

Dengan hormatnya saya diarah merujuk perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Bahagian Penerbitan, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia dengan kerjasama Persatuan Orang-Orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia (PERTIS) akan mengadakan **BENGKEL PENYEMAKAN AL-QUR'AN BRAILLE MASHAF MALAYSIA SIRI 1**. Butiran bengkel adalah seperti yang berikut:

Tarikh : 10 – 12 Ogos 2020
 (Isnin - Rabu)
 Tempat : The Regency Hotel,
 Jalan Raja Alang,
 50300 Kuala Lumpur


3. Sehubungan itu, tuan dengan segala hormatnya dijemput menghadiri bengkel berkenaan. Bersama-sama ini disertakan aturcara bengkel untuk makluman dan rujukan tuan.

Kerjasama dan perhatian tuan dalam perkara ini didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,


 (HAJI MOHD NORIZAN BIN ABD. GHANI)
 b.p Ketua Pengarah,
 Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

SSPI&KU 2016

SEMINAR SERANTAU PENDIDIKAN ISLAM ORANG KURANG UPAYA 2016

*Peningkatan Pendidikan Islam Orang Kurang Upaya:
Cabaran dan Penyelasaan*

20 SEPTEMBER 2016
**PUSAT PENGURUSAN SISWAZAH,
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

ISBN 978-967-1-4229-1-5



IQRA BRAILLE SEBAGAI MODUL ASAS KEMAHIRAN MEMBACA AL-QURAN BRAILLE: ISU KETIDAKSERAGAMAN ANTARA DUA TEKS

Mohd Nur Adzam Rasdi, Khairul Anuar Mohamad,
Nur Badriah Omar, Norakyairee Mohd Raus & Wahyuddin Hashim
Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia
nuradzam@usim.edu.my

ABSTRAK

Penghasilan lqra' versi Braille telah banyak membantu golongan OKU penglihatan untuk mempelajari al-Quran. Ia juga telah dijadikan sebagai bahan pengajaran utama dalam sukatan kurikulum Pendidikan Islam di sekolah-sekolah aliran perdana masa kini. Walau bagaimanapun, hasil kajian awal penyelidik mendapati wujudnya beberapa isu yang timbul apabila modul lqra' Braille ini dijadikan asas kepada pengajaran dan pembelajaran al-Quran Braille. Antara isu yang berbangkit adalah isu ketidakeragaman di antara teks lqra' Braille dengan al-Quran Braille dari sudut Rasm dan Dhabit. Oleh itu, tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk membuat tinjauan terhadap usur ketidakeragaman yang terdapat di dalam kedua-dua teks tersebut. Kajian ini dijalankan dengan memberikan tumpuan kepada penyemakan tiga teks yang berkaitan iaitu teks mushaf al-Quran Braille terbitan PERTIS, teks lqra' Braille edisi pertama (2012) terbitan USIM dan teks lqra' Braille edisi Panel eBraille UTM (2015). Hasil kajian mendapati bahawa terdapat beberapa ketidakeragaman di antara teks-teks lqra' Braille dengan teks al-Quran Braille terbitan PERTIS yang diguna pakai secara meluas di Malaysia. Asas utama ketidakeragaman ini berlaku kerana beberapa prinsip penulisan yang berbeza di antara teks-teks tersebut di mana teks-teks lqra' Braille yang ditranskrip daripada teks lqra' yang asal adalah lebih cenderung mengikut kaedah Rasm Uthmaniyyah manakala al-Quran Braille terbitan PERTIS pula ditulis menggunakan kaedah Rasm Imlai.

IQSS – Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs
Vol. 5 June 2021, no. e-ISSN 2590-3799

Implikasi Ketiadaan Šifir Mustadīr ke atas Pentilawahan Al-Quran Braille (Implications of The Absence of Šifir Mustadīr on Braille Al-Quran Recitations)

Mohd Nur Adzam Rasdi
nuradzam@usim.edu.my
Muhammad Yusry Afrandy Md Isa
Universiti Sains Islam Malaysia
yusry_afrandy@usim.edu.my
Noormajihan Jaafar
Universiti Sains Islam Malaysia
noormajihan@usim.edu.my
Khairul Anuar Mohamad
Universiti Sains Islam Malaysia
khairul@usim.edu.my
Norakyairee Mohd Raus
Universiti Sains Islam Malaysia
norakyairee@usim.edu.my

Article Progress
Received 11 February 2021
Revised 15 March 2021
Accepted 01 March 2021

Abstrak

Isilah *Dabī* adalah merujuk kepada tanda-tanda khusus yang diletakkan pada huruf-huruf al-Quran untuk menunjukkan sesuatu bunyi atau cara baca huruf-huruf tersebut seperti Sukun, Mad, Tanwin, Syaddah dan sempamannya. Fungsi *Dabī* adalah untuk memudahkan para pembaca al-Quran membaca setiap teks yang terkandung di dalam mushaf dengan tepat. Semenjak ilmu ini diperkenalkan pada sekitar pertengahan kurun pertama Hijrah, ia terus berkembang daripada semasa ke semasa sehinggalah ke hari ini. Mushaf yang ditranskrip ke dalam tulisan Braille juga tidak terkecuali daripada elemen ini. Namun begitu, terdapat beberapa penandaan yang digunakan dalam mushaf tipikal tetapi masih belum diaplikasikan dalam mushaf Braille. Antara penandaan tersebut adalah *Šifir Mustadīr*. Kajian ini dilakukan bagi mengenalpasti implikasi daripada ketiadaan penandaan tersebut. Kaedah ujian prestasi telah digunakan ke atas para peserta kajian bagi memperoleh maklumat yang seterusnya dianalisis bagi mencapai objektif kajian. Hasil kajian menunjukkan terdapat kesalahan bacaan akibat daripada ketiadaan penandaan tersebut. Berdasarkan dapatan ini beberapa perincian, kesimpulan dan cadangan telah dibuat bagi tujuan semakan dan penambahbaikan khususnya bagi menjaga ketepatan teks al-Quran di dalam bentuk Braille agar para pembacanya mampu membaca sebaik-baiknya para pembaca mushaf tipikal.

Kata kunci: Penulisan Mushaf, Tajwid, Dabī Al-Quran, Al-Quran Braille, OKU Penglihatan

Abstract

The term *Dabī* refers to specific markers placed on the Quranic letters to indicate a sound or connotation of the letters such as *Sukun*, *Mad*, *Tanwin*, *Syaddah* etc. The purpose of *Dabī* is to ease the Quranic reciter to recite every text contained in the *mushaf* accurately. Since it was introduced in the middle of the first century, it has continued to expand from time to time until the present-day. The *mushaf* that has been transcribed into Braille also is no exception. However, there are still some signs used in the regular *mushaf* that yet to be applied into Braille. Among the sign is the *Šifir Mustadīr*. The objective of this study is to identify the implications of the absence of such markings. The performance test method was used on study participants to obtain information which was then analyzed to achieve the objectives of the study. The findings imply that there are recitation error due to the absence of those sign. Based on this finding, discussions, conclusions and suggestions have been made aimed at ensuring the accuracy of the Braille form of the Quranic text to enable its readers to read the Quran as well as normal *mushaf* readers.

Keywords: Al-Quran Text Writings, Recitation, Dabī Al-Quran, Braille Qur'an, Visually Impaired Persons



جَابَاتَان كَمَا جُوا ن إِيْسْلَام مَلَيْسِيَا
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA
 Blok A & B, Kompleks Islam Putrajaya
 No 23, Jalan Tunku Abdul Rahman
 Presint 3, 62100 PUTRAJAYA
 MALAYSIA

Tel : 603-8870 7000
 Faks : 603-8870 7707
 Portal Rasmi : www.islam.gov.my

Rujukan : JAKIM(S).BP.600-8/24/1(9)
 Tarikh : // Mac 2020
 /6 Rejab 1441H

Encik Mohd Nur Adzam bin Rasdi
 Pensyarah
 Fakulti Pengajian Al-Quran dan Sunnah
 Universiti Sains Islam Malaysia
 Bandar Baru Nilai
 71800 Nilai
NEGERI SEMBILAN

Assalamualaikum wtb.

Tuan,

**UCAPAN PENGHARGAAN DI ATAS PEMBENTANGAN KERTAS
KEDUDUKAN AL-QURAN YANG DICETAK MENGGUNAKAN SISTEM
BRAILLE**

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada tuan kerana telah memberi kerjasama yang baik dalam sesi pembentangan kertas Kedudukan Al-Quran Yang Dicitak Menggunakan Sistem Braille semasa Mesyuarat Panel Pakar Syariah Kali Ke 101 pada 7 dan 8 Oktober 2019 dan Persidangan Mesyuarat Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan (MKI) Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke 116 yang diadakan pada 20 dan 21 November 2019. Semoga kerjasama ini akan dapat diteruskan lagi pada masa akan datang.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"NEGARA RAHMAH UMMAH SEJAHTERA"**

Saya yang menjalankan amanah,

(DATO' DR. SIRAJUDDIN BIN SUHAIMEE)
 Pengarah Kanan
 Bahagian Penyelidikan
 b.p. Ketua Pengarah
 Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

Presenter of 'Status of Quran Printed Using the Braille System' in the JAKIM Shariah
 Expert Panel Meeting; and the Muzakarah Committee Meeting of the National
 Council for Religious Affairs (MKI).



Akhbar Kosmo 15th May 2022



Gold Award in Innovation Bank Challenge (IBC 2022) USIM competition.